

FOR MCQ QUESTIONS:

REMINDER: READ CAREFULLY THE INSTRUCTIONS ON THE FRONT PAGE.

PERINGATAN: BACA DENGAN TELITI ARAHAN PADA MUKA SURAT HADAPAN.

Area :	<i>BAHASA MALAYSIA</i>	Sub-Area	
--------	------------------------	----------	--

1. Pilih perkataan yang mempunyai tiga suku kata

- A. alat
- B. bahaya
- C. hulubalang

2. Pilih rangkai kata yang betul ejaannya.

- A. Campuraduk
- B. Jawatankuasa
- C. Antara bangsa

3. Contoh kata adjektif yang bermaksud waktu ialah...

- A. lewat
- B. hampir
- C. ghairah

4. Yang manakah ayat penyata.

- A. Puan Aminah makan roti.
- B. Mereka berlepas petang tadi?
- C. Kamu siapkan kerja itu sekarang.

5. Ayat : Usah kaupedulikan dia.
Ayat yang di atas ialah...

- A. ayat silaan
- B. ayat seruan
- C. ayat larangan

6. Ayat: Ahmad pulang pada waktu petang.

Yang manakah predikat bagi ayat di atas.

- A. Ahmad
- B. Ahmad pulang
- C. pulang pada waktu petang

7. Yang berikut ialah perkataan yang berimbuhan asing kecuali...

- A. hadirin
- B. mahaguru
- C. menstrukturkan

8. Yang berikut ialah ayat yang mengandungi kata adjektif pancaindera kecuali...

- A. Kami amat kasih akan guru itu.
- B. Pemain lincih itu berasal dari Selangor.
- C. Bau busuk dari kilang itu mengganggu penduduk di situ.

9. Ayat: Saiful lulus peperiksaan itu tetapi Zamri gagal.
Kata hubung dalam ayat di atas ialah...

- A. itu
- B. tetapi
- C. peperiksaan

10. Pilih ayat yang betul dalam menggunakan kata sendi 'daripada'.

- A. Cikgu Azmin berasal daripada Kuala Selangor.
- B. Harga kain itu kurang sedikit daripada harga biasa.
- C. Tempoh bayaran akan bermula daripada tarikh permohonan.

11. Yang manakah bukan kata akronim?

- A. Exora
- B. Proton
- C. Perodua

12. Yang manakah bukan ayat selapis?

- A. Kakak sulung Ahmad guru.
- B. Prof. Datuk Dr. Izhar sedang makan.
- C. Guru sekolah itu tekun dan berdedikasi.

13. Ayat 1 : Ayah mendapat berita.

Ayat 2 : Abang telah tamat latihan.

Berdasarkan ayat-ayat di atas, tulis ayat majmuk yang betul.

- A. Ayah mendapat berita setelah abang telah tamat latihan.
- B. Abang mendapat berita bahawa ayah telah tamat latihan.
- C. Ayah mendapat berita bahawa abang telah tamat latihan.

14. Tiga jenis ayat majmuk ialah...

- A. gabungan, pancangan dan campuran
- B. gabungan, campuran dan komplemen
- C. campuran, komplemen dan keterangan

15. Pola 1 : FN + FN

Pola 2 : FN + FK

Pola 3 : FN + FA

Pola 4 : FN + FS

Pola di atas merujuk kepada ...

- A. ayat dasar
- B. ayat majmuk
- C. ayat keterangan

16. Ayat : Baju baharu itu di atas meja.

Tulis ayat songsang bagi ayat yang di atas.

- A. Itu baju baharu di atas meja.
- B. Di atas meja baharu baju itu.
- C. Di atas meja baju baharu itu.

17. Ayat 1 : Cantikkah baju itu?

Ayat 2 : Abang kamu ke Terengganu?

Ayat-ayat di atas ialah contoh...

- A. ayat tanya terbuka
- B. ayat tanya tertutup
- C. ayat tanya terbuka dan tertutup

18. Ayat : Kami *pernah* sampai ke Kuala Rompin.

Perkataan *pernah* ialah...

- A. kata bantu
- B. kata sendi
- C. kata praklausa

19. Pilih ayat yang predikatnya frasa kata kerja transitif.

- A. Burung itu terbang tinggi di awan.
- B. Murid itu mendengar nasihat gurunya.
- C. Kucing kesayangannya itu sangat gemuk.

20. Yang manakah kata terbitan bersisipan?

- A. Gemilang
- B. Kejayaan
- C. Kepulangan